



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 45 /2024

MUALLAF ADALAH SAUDARA KITA

8 November 2024

Bersamaan

6 Jamadil Awal 1446

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلٰى إِحْسَانِهِ وَفَضْلِهِ،
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلٰى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَاصْحَابِهِ،
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، أَوْصِيهِكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Muslimin yang diberkati Allah sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah swt di atas pelbagai nikmat kurniaaNya, di mana sahaja kita berada, di samping kita perteguh dan tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah dengan mematuhi perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah Jumaat hari ini yang bertajuk:

MUALLAF ADALAH SAUDARA KITA

Hadirin yang dirahmati Allah,

Islam menganjurkan umatnya agar memberikan perhatian yang sewajarnya kepada beberapa golongan masyarakat; antaranya kumpulan muallaf atau disebut juga sebagai ‘Saudara Kita’ yang sanggup meninggalkan agama asal mereka dan memilih Islam untuk dijadikan cara hidup beragama.

Rasulullah saw telah memberikan perhatian serius kepada golongan muallaf ini. Baginda saw telah berusaha mendidik para sahabat yang baru memeluk Islam mengikut acuan Syarak. Kegigihan Baginda saw membimbing golongan ini telah memberikan kekuatan iman kepada mereka untuk terus kekal dalam agama fitrah ini dan akhirnya menyumbang kepada penyebaran Islam ke seluruh pelusuk alam ini.

Saudara Muslimin sekalian,

Panggilan Muallaf kepada saudara baru kita adalah disebabkan agama Islam yang baru dikenali dan dianuti mereka perlu dipupuk dan dijinakkan dengan baik, agar hati mereka teguh meyakini bahawa Allah swt adalah Tuhan yang sebenar dan Nabi Muhammad saw pesuruh Allah yang terakhir.

Justeru, mereka antara golongan yang layak diberikan zakat dan menerimanya berdasarkan firman Allah swt dalam Surah at-Taubah ayat 60:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَى السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ رَبِّهِ وَاللَّهُ أَعْلَمُ
﴾

٦٠

Maksudnya : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang ber hutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Muslimin sekalian,

Pemberian zakat kepada ‘Saudara Kita’ bertujuan memotivasi dan memantapkan lagi keislaman mereka agar terus istiqamah dan mengamalkan cara hidup Islam.

Tanggungjawab membantu dan menyantuni para muallaf sewajarnya dipikul bersama oleh semua anggota masyarakat Islam sama ada sebagai seorang individu, badan NGO, masjid, surau, rakan sekerja, pasangan hidup, ahli keluarga dan pemimpin masyarakat.

Bukanlah ia menjadi hak mutlak Majlis Agama atau agensi agama negeri sahaja. Walaupun demikian, peranan besar yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIDAM dalam menguruskan hal ehwal golongan Saudara Kita dan menyantuni kehidupan mereka amatlah dihargai.

Namun, perasaan kasih, bertimbang rasa, berbaik sangka dan perihatin terhadap ‘Saudara Kita’ juga menjadi kewajipan masyarakat Islam agar mereka tidak berasa tersisih dan dipinggirkan daripada masyarakat Islam setempat.

Sabda Nabi saw yang bermaksud :

“Seorang muslim adalah saudara kepada muslim yang lain, tidak boleh dizalimi, mahupun diserahkan kepada musuhnya. Sesiapa yang menguruskan keperluan saudaranya, Allah akan menguruskan keperluannya. Sesiapa yang melepaskan kesukaran daripada seorang muslim, Allah akan melepaskan kesukarannya di hari Kiamat kelak. Sesiapa yang menutup aib seseorang muslim, Allah akan menutup aibnya pada hari Kiamat nanti.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Muslimin sekalian,

Kehidupan ‘Saudara Kita’ setelah menerima agama Islam, biasanya akan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan, seperti dibuang keluarga, hilang pekerjaan, dihalang hak pewarisan keluarga, dinafikan tempat tinggal, menghadapi kejutan budaya dan kewangan harian yang sedikit dan sebagainya.

Kesemua cabaran ini akan dapat dibantu dan dikurangkan tekanannya apabila masyarakat Islam setempat terus memberikan dokongan dan pertolongan dalam meringankan beban yang mereka tanggung.

Sekiranya setiap individu muslim berlepas diri daripada kewajipannya terhadap Saudara Kita, akan menyebabkan mereka semakin jauh atau keluar daripada Islam yang telah dipilihnya.

Firman Allah swt dalam surah al- Maidah ayat 2 :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقَوْيٍ وَلَا نَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلَاثِ وَالْعُدُونِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ} شَدِيدُ الْعِقَابِ



Maksudnya : Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Hadirin yang dimuliakan,

Di atas semangat persaudaraan sesama muslim, keimanan dan ketakwaan kepada Allah swt, marilah kita bersama-sama mengambil cakna dan menyantuni saudara baru kita melalui pelbagai pendekatan yang terbaik, antaranya:

- (1) Mendekati semua Saudara Kita serta memberi sokongan dan semangat kepada mereka untuk menjadi seorang muslim atau muslimah yang sebenar.
- (2) Membimbang mereka untuk memahami Islam secara menyeluruh dengan menunjukkan cara hidup Islam yang terbaik.
- (3) Menunjukkan akhlak Islam supaya hati mereka terus tertarik dengan keindahan Islam.
- (4) Menerima mereka seadanya dengan membuang sikap prejedis terhadap mereka.
- (5) Meraikan dan membimbang mereka agar mengamalkan budaya hidup yang bertepatan dengan Islam.
- (6) Menggunakan perkataan dan percakapan yang lembut lagi beradab dalam pertuturan dan bergaul dengan mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

فِيمَا رَحْمَةٌ مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيلًا قَلْبٌ لَا نَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ إِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ

اللَّهُ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ 109

Maksudnya : Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. kemudian apabila engkau telah berazam, maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

(Surah Ali Imran :159)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آلَيَّاتٍ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِ الرَّحْمَنِ رَحْمَكُمُ اللّٰهُ،

Muslimin yang dirahmati Allah,

Kehidupan di dunia ini perlu kepada interaksi antara satu sama lain. Tidak ada orang yang mampu mengurus kehidupan tanpa penglibatan orang lain. Itulah sunnatullah dalam kehidupan. Justeru, pereratkanlah hubungan sesama manusia dengan saling menghormati, sayang menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan lebih kukuh dan kesejahteraan akan dapat dikecapi bersama.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكَتِهِ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِيْهَا الْذِيْنَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا ٥٦
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَاجْنُونَ وَاجْذَامَ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانِ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينَ، وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebijakan dan taqwa.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa juar kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يَا اللَّهُ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ !

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَرِدُّكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.